

Majlis Amanat Puan Norehan binti Omar, Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) kepada Kontinjen e-Sport INSTUN bagi Kejohanan PESUMA kali ke-33 dan Sesi Taklimat Perlawanan

26 Ogos 2021 - Pesta Sukan UKUR Se-Malaysia (PESUMA) ini merupakan satu kejohanan yang diadakan setiap 2 tahun. Kelab INSTUN dipertanggungjawabkan untuk mengurus aktiviti sukan ini di mana Biro Sukan & Rekreasi mengkoordinasi aktiviti ini. Pada tahun ini, buat julung kalinya, penganjuran PESUMA diadakan secara maya dan JUPEM Negeri Sembilan selaku tuan rumah akan mempertandingkan acara e-sport seperti:


Virtual Run, FIFA EA SPORT 2021, Mobile Legend, PUB-G

Seramai 56 warga INSTUN menyertai kejohanan PESUMA ke-33 (e-sport) pada kali ini dengan rekod setiap acara seperti berikut:

Virtual Run – 45 Orang
FIFA EA Sport – 2 Orang
Mobile Legend – 5 Orang
PUB-G - 4 orang

Amanat dari Pengarah INSTUN yang turut diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi ‘zoom’ kepada kontinjen disampaikan dengan penuh semangat dan disusuli gimik penyerahan bendera INSTUN kepada *Chef de Mission* (Ketua Kontinjen) iaitu Encik Hadi Fakhri bin Mohd Hatar. Majlis diteruskan dengan tayangan video “*Rise of INSTUN*” yang menonjolkan perjalanan latihan setiap kontinjen sepanjang tempoh 2 bulan ini bagi menaikkan semangat motivasi kontinjen dalam mendepani cabaran e-sport mendatang.

Sesi terakhir diteruskan dengan taklimat dari Biro Sukan dan Rekreasi, Encik Muhammad Haziq Syuwari bin Mahazir mengenai peraturan dan syarat setiap pertandingan. Semoga beroleh kejayaan buat semua kontinjen INSTUN.





PERJALANAN PESUMA 33

